

Dr. Mahathir yakin LIMA 2005 berjaya

06 MAR 2005

LANGKAWI 5 Mac – Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2005 yang akan diadakan pada akhir tahun ini dijangka mendapat sambutan yang baik daripada para peserta dan penganjur seperti tahun-tahun sebelum ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini dapat dibuktikan melalui usaha yang sedang giat dijalankan oleh agensi kerajaan dan syarikat bagi mempromosikannya ke peringkat antarabangsa bagi menarik lebih ramai peserta seperti tahun-tahun sebelumnya.

"LIMA 2005 akan berjaya dan sekali gus ia akan menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar

negara ke pameran itu dan juga meningkatkan lagi industri pelancongan di sini," katanya.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai beberapa program tahunan bertaraf antarabangsa di pulau legenda pada tahun ini kurang mendapat sambutan menggalakkan daripada para peserta dari luar negara.

Beliau memberitahu antara punca pengurangan penyertaan peminat sukan antarabangsa berkenaan pada tahun ini di sini adalah disebabkan tragedi ombak besar tsunami yang melanda beberapa negara di rantau Asia pada akhir tahun lalu.